

# **RIWAYAT HIDUP HAJI MOHD YUSSUF BIN HAJI YASSIN**

Disediakan oleh: Ahadin bin Arinen  
Kg Karanaan Tambunan  
28 Febuari 2009<sup>1</sup>

## **PENGENALAN**

Catatan ini dibuat berdasarkan keterangan secara langsung antara penulis (Ahadin bin Arinen) dengan ayah mertuanya, Hj Adenan Hj Mohd Yussuf dalam beberapa pertemuan yang tidak diatur sepanjang tahun 2008. Idea menulis riwayat hidup Hj Mohd Yussuf Hj Yassin timbul ketika Penulis dan ayah mertuanya berada di Kuala Lumpur pada bulan Mac 2008. Penulis ketika itu kebetulan sedang belajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) manakala ayah mertua dan keluarga pula hadir ke Kuala Lumpur untuk menyaksikan majlis konvokesyen anak bongsunya Nurjannah yang menerima Ijazah Sarjana Muda Bioinformatik, MSU. Sembang-sembang mengenai asal usul keluarga Hj Adenan ketika itu akhirnya menimbulkan minat penulis untuk mencatatkannya terus dalam komputer riba di hadapan Hj Adenan. Kaedah tersebut memudahkan penulis untuk membetulkan sebarang kesilapan pada bahagian-bahagian tertentu dalam tulisan ini pada ketika itu. Cara ini ternyata perlu untuk memastikan ketepatan fakta-fakta yang diceritakan oleh Hj Adenan kepada penulis. Setelah berbincang dengan Hj Adenan, penulis akhirnya memilih untuk menyusun terlebih dahulu riwayat hidup bapa kandung Hj Adenan iaitu Hj Mohd Yussuf Hj Yassin. Memilih untuk menulis dan menyusun terlebih dahulu riwayat hidup Hj Mohd Yussuf dirasakan sesuai memandangkan riwayat kisah hidup keluarga Hj Adenan banyak berkaitan dengan kisah hidup bapanya sejak kecil sehinggalah ia menghembuskan nafas terakhir.

Penulis merasakan banyak perkara penting dan menarik mengenai Hj Mohd Yussuf yang perlu ditulis dan disusun. Dengan kata lain, untuk mengenali lebih dekat keluarga Hj Adenan, adalah elok dan sesuai untuk mengetahui dan mengenali bapa beliau sendiri. Ini kerana, perjalanan hidup yang dilalui bapanya banyak mempengaruhi cara hidup dan peribadi keluarga Hj Adenan sendiri. Terdapat juga peristiwa-peristiwa bersejarah yang

---

<sup>1</sup> Hampir 90 peratus penulisan riwayat ini diperolehi hasil temuramah antara Penulis, Ahadin bin Arinen dengan ayah mentua, Hj Adenan bin Hj Mohd Yussuf di rumah kediaman kerajaan, Shahrul Anuar Itam (Abang Mail) di Jalan Duta, Kuala Lumpur pada 28 Mac 2008 (hari Jumaat). Ayah mertua datang ke KL sempena konvekesyen anak bongsunya Nurjannah bte Adenan yang baru menamatkan pengajiannya dalam bidang Bioinformatic di KUTPM (nama baru setelah dinaik taraf ialah MSU: Management & Science University) Shah Alam, Selangor. Konvokesyen berlangsung pada 31 Mac 2008 di Dewan Perdana PWTC Kuala Lumpur. Ikut bersama-sama ayah dari Sabah ialah Assnah bte Dullah (Ibunya), Nurjannah dan Aisyah bte Rusli.

perlu dizahirkan dalam penulisan ini untuk tatapan umum seperti suasana hidup di zaman penjajahan bangsa asing di bumi bertuah ini seperti North Borneo Chartered Company, Jepun dan British Colony. Suasana hidup selepas merdeka juga turut dimuatkan. Kisah-kisah yang mempunyai unsur sejarah seperti kisah burung merpati, kisah keretapi, Sungai Beduk, nyawa di hujung pedang tentera Jepun dan lain-lain lagi sememangnya menarik sekali untuk diketahui dan direnungi dalam penulisan ini. Untuk memudahkan penyusunan kisah hidup Hj Mohd Yussuf, tajuk-tajuk kecil dibuat agar kelihatan teratur dan dapat menarik tumpuan kepada satu-satu peristiwa. Penulis mencatatkan terus apa yang keluar dari mulut Hj Adenan kepada penulis dalam bentuk penceritaan. Hj Adenan menceritakan kepada penulis seperti begini:

### **HAJI MOHD YUSSUF BIN HAJI YASSIN**

Nama penuh bapa ialah Mohd Yussuf bin Hj Yassin, berketurunan Jawa. Manakala ibu kandung pula bernama Habibah bte Dol berketurunan Jawa Jepun. Nama penuh datuk saya sebelah bapa ialah Haji Yassin bin Makon manakala nenek saya, isteri kepada Haji Yassin ialah Saminon bte Ali Mokasan. Kedua-dua datuk nenek saya berasal dan tinggal di Kg Vinangon, Jawa Tengah. Menurut bapa saya, datuk saya adalah seorang Kiyai iaitu guru agama yang telah membuka sebuah pasantren iaitu sekolah agama bernama Pasantren Kiyai Haji Yassin. Bapa saya sempat belajar agama di pondok tersebut dalam jurusan nahu Arab. Bahasa perantaraan dalam pondok tersebut adalah bahasa Jawa berasaskan tulisan hindu. Tidak hairanlah bapa saya boleh berbahasa Tamil. Hal ini saya sendiri ketahui apabila saya dan bapa mengadakan satu jamuan makan pada bulan ramadhan di rumah kediaman kerajaan yang saya diami secara rasmi sebagai Pegawai Daerah Tenom pada awal tahun 1984. Ketika itu, seorang tetamu berbangsa Bangladesh yang berkerja sebagai Dresser di Klinik Islam Tenom bernama Hassan Taki telah berbual dengan bapa dalam bahasa Tamil. Saya sendiri mendengar bapa berbual dengan Hassan dalam bahasa Tamil dan sesekali mereka ketawa. Selepas perbualan, saya bertanya sendiri kepada Hassan di hadapan bapa samada betul atau tidak bahasa yang digunakan oleh bapa itu.

Hassan mengesahkan bahawa bahasa yang digunakan oleh bapa adalah betul. Saya begitu terkejut bagaimana bapa begitu fasih dalam bahasa Tamil dan bertanya pada ketika itu bagaimana bapa boleh menguasai bahasa tersebut. Bapa menyatakan bahawa ketika zaman mudanya, ia pernah berkerja lama bersama-sama dengan orang-orang Tamil di Semenanjung, antaranya di Port Sweetanham di Klang. Hasil perkahwinan dengan mama, bapa dikurniakan anak seramai 7 orang kesemuanya iaitu 4 lelaki dan 3 perempuan. Nama-nama penuh menurut susunan adalah seperti berikut:

1. Hj Abdul Salam bin Hj Mohd Yussuf
2. Ramlah bte Hj Mohd Yussuf
3. Sumilah bte Hj Mohd Yussuf
4. Abdul Safar bin Hj Mohd Yussuf @ Sapar
5. Ngetemih bte Hj Mohd Yussuf
6. Hj Adenan bin Hj Mohd Yussuf

## 7. Hj Elham bin Hj Mohd Yussuf

Dari 7 orang anak di atas, yang masih hidup ketika ini hanyalah 4 orang. Ramlah, Sumilah dan Abdul Safar telahpun pergi meninggalkan dunia ini buat selama-lamanya. Kini kami tinggal 4 orang yang kesemuanya telah melepasi umur 60 tahun.

### **DARI TANAH JAWA KE TANAH MELAYU**

Ketika berumur 12 tahun, sekitar tahun 1913, bapa telah mengikuti satu rombongan menunaikan haji dari Tanah Jawa ke Mekah melalui Singapore. Tujuan mengikuti rombongan tersebut adalah untuk menghantar rombongan dan keluarga bapa sehingga ke Singapore saja. Bila rombongan tiba Singapore, bapa terus saja menetap di Johor manakala rombongan keluarganya meneruskan pelayaran ke Mekah menggunakan kapal besar. Rombongan haji ke Mekah itu telah bergabung dengan rombongan jemaah dari Singapore. Bapa menetap di Singapore hanya beberapa ketika sahaja, tidak sampai setahun. Selepas itu ia terus berhijrah bersama rombongan lain yang tidak ikut serta ke Mekah ke Tanah Besar Semenanjung iaitu di Johor. Bermula di Johorlah, bapa mula ikut bekerja di kilang memproses nenas dalam beberapa tahun. Ketika berumur sekitar 20 tahun, bapa berhijrah ke Kelang Selangor untuk bekerja di sebuah kilang getah dalam estate getah kepunyaan *The British Straits Settlement*. Di kilang itulah bapa bertugas sebagai engine driver. Ketika bekerja, bapa mengambil peperiksaan berkaitan engine driving. Alhamdulillah, dengan berkat kesungguhan dan kegigihan, bapa lulus dengan kepujian *Second Class*. Sijil kelulusannya masih ada dalam simpanan saya sehingga kini. Peperiksaan tersebut dijalankan dalam bahasa Inggeris.

### **KAD PENGENALAN DIRI**

Sewaktu berhijrah dari Tanah Jawa ke Singapura dan seterusnya ke Tanah Semenanjung, bapa tidak mempunyai sebarang sijil atau sebarang kad pengenalan diri. Kebetulan ketika itu, Singapura masih di bawah tanah jajahan British dan dianggap sebahagian dalam lingkungan Malaya. Oleh itu tidak timbul sebarang masalah dari segi perjalanan ke tanah besar Malaya.

### **BERPINDAH KERJA**

Bapa bekerja di estate getah dalam bidang engine driver selama beberapa tahun. Selepas itu, bapa ditukarkan pula ke bahagian survey laut sebagai engine driver di sebuah kapal yang bertugas untuk mengukur pantai dan kedalaman laut dari Port Sweetnam di Klang sehinggalah ke Pulau Pinang. Bapa bertugas di sana beberapa tahun. Ketika berumur awal 20 tahun, bapa mendapat tahu bahawa ada pekerjaan yang ditawarkan di North Borneo (Sabah) di kebun tambakau yang terletak di Segama Estate. Bapa mendapat maklumat ini daripada kawan-kawannya. Estate tersebut adalah kepunyaan British juga. Ketika itulah wakil syarikat estate di Segama yang berpangkalan di Singapura mengambil

pekerja-pekerja daripada Tanah Melayu untuk bekerja di North Borneo. Bapa terus ke Singapura dan menandatangani kontrak dengan syarikat tersebut untuk bekerja di Segama Estate. Dari Singapura, bapa berhijrah ke North Borneo mengikuti kapal syarikat. Sejak saat itulah bapa secara rasmi menetap di North Borneo, kini dikenali sebagai Sabah.

### **KEHIDUPAN BARU DI NORTH BORNEO (SABAH)**

Bapa secara rasmi berhijrah ke Sabah ketika umur dalam lingkungan awal 20an. Di sana, bapa mula bekerja di ladang tembakau di Segama Estate, Lahad Datu, kira-kira 8 batu dari Pekan Lahad Datu. Hanya beberapa tahun di Segama Estate, bapa kemudiannya berpindah kerja di bahagian mekanik keretapi yang membawa hasil tembakau dari Segama Estate ke Kastam lama di Pekan Lahad Datu. Bapa dipindah kerja setelah pihak syarikat mendapat tahu bahawa bapa mempunyai kebolehan menjaga enjin. Tambahan pula, bapa mempunyai kelayakan rasmi iaitu sijil engine driving dari Malaya (British Straits Settlement). Menurut bapa, peperiksaan tersebut dijalankan dalam bentuk praktikal iaitu dengan membaiki enjin dan secara temuduga, bukannya secara bertulis. Kini tugas barunya ialah engine mekanik keretapi di Lahad Datu. Mengenai keretapi, pada ketika itu tidak ada jalan raya di Lahad Datu. Oleh itu bentuk pengangkutan yang ada hanyalah keretapi daripada Segama Estate ke pelabuhan Lahad Datu yang dipanggil Kastam Lama pada hari ini.

### **MISI BESAR BURUNG MERPATI**

Ketika mula bekerja di Segama Estate, bapa masih lagi bujang. Selepas beberapa tahun di Segama Estate, bapa mendapat tahu bahawa ada kerja kosong di Pejabat Pos Lahad Datu yang juga ketika terkenal dengan panggilan "*wireless*". Ia dipanggil wireless kerana perkhidmatan yang digunakan di pejabat pos adalah menggunakan "*post code*" yang mana apabila peralatannya ditekan, ia akan mengeluarkan bermacam-macam suara yang diterjemahkan daripada huruf-huruf abjad "a", "b", "c". Selain menggunakan wireless, Pejabat Pos ketika itu juga menggunakan khidmat burung merpati untuk mengirim mesej bertulis kerajaan dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Bagaimana burung ini boleh berfungsi? Kaedah yang digunakan sungguh mengagumkan. Caranya ialah burung nota-nota penting secara bertulis kerajaan diikatkan di kaki burung merpati. Burung-burung tersebut memang terlatih. Ia bagaikan cerita dongeng tetapi ia adalah suatu realiti yang benar-benar terjadi ketika itu. Burung itu mula-mula dipelihara dalam sebuah tempat di suatu daerah yang lain di tempat khusus. Apabila tiba masa ia boleh digunakan, burung-burung itu nanti akan dibawa ke daerah yang lain melalui kapal laut. Contohnya, burung dibesarkan dan dipelihara di Tawau. Apabila masa untuk menggunakan khidmatnya tiba, burung-burung itu dibawa terlebih dahulu oleh kapal laut ke daerah Lahad Datu.

Di Lahad Datu, burung-burung itu ditugaskan untuk membawa nota penting kerajaan untuk dihantar ke Tawau. Dokumen bertulis kemudian diikatkan di kaki burung merpati. Seterusnya, burung kemudiannya dilepaskan begitu sahaja. Menariknya, selang 2 atau 3 hari, burung itu akan sampai ke destinasi yang dituju iaitu Tawau. Ini kerana, burung

tersebut telah terbiasa dengan tempat dan kawasan yang dituju kerana Tawau adalah daerah asalnya. Burung yang dipelihara di Sandakan pula akan hanya digunakan untuk menghantar mesej ke Sandakan sahaja. Penghantaran mesej melalui burung merpati ini memerlukan kepakaran orang-orang tertentu yang telah terbiasa dengan pemeliharaan burung-burung merpati itu. Mungkin perkhidmatan ini mengambil iktibar dari kisah burung hud-hud yang digunakan oleh Nabi Sulaiman a.s untuk menghantar surat perutusan kepada Puteri Balkis. Subhaanallah!. Penghantaran mesej melalui burung merpati adalah antara kaedah yang berkesan sekali ketika pemerintahan British. Kaedah ini lebih cepat berbanding penghantaran mesej menggunakan kapal laut yang terpaksa menggunakan jangkamasa yang lama, sehingga menjangkau sebulan atau lebih. Inilah kisah yang bapa ceritakan kepada kami mengenai pengalaman dan pemerhatiannya sendiri ketika bekerja di pejabat pos Lahad Datu. Suasana ini menurut bapa, berlaku dalam sekitar tahun 1930an.

### **KERETAPI DAN 12 EKOR KERBAU**

Mengenai perkhidmatan keretapi di Lahad Datu, kini ia tinggal kenangan. Perkhidmatan keretapi di sana tidak ada lagi pada hari ini. Perkhidmatannya dihentikan sebaik Jepun menduduki Lahad Datu antara 1942 hingga 1945. Ini kerana, estate kepunyaan British itu telah dihentikan operasinya semasa penjajahan Jepun. Besi landasan tidak lagi berada di tempat asalnya pada hari ini. Walau bagaimanapun, besi-besinya dipercayai masih ada dalam simpanan orang-orang kampung di Lahad Datu untuk digunakan sebagai tungku dapur. Landasan kereta api itu adalah antara Kastam Lama hingga stesen keretapi di landasan kapal terbang yang ada pada hari ini. Kaedah pengangkutan ialah keretapi itu ditarik oleh 12 ekor kerbau menaiki Bukit. Keretapi itu ditarik dari bawah kaki bukit yang kini ditempati dengan balai polis, rumah pasung lama dan Pejabat Daerah Lahad Datu. Rumah pasung itu masih lagi digunakan hingga hari ini. Manakala balai Pejabat Daerah pula kini diambilalih oleh Jabatan Tanah dan Ukur sebagai pejabatnya. Keretapi daripada bawah bukit ditarik oleh 12 ekor kerbau untuk memudahkan ianya menaiki bukit dalam 30 darjah slope atau *30 degrees gradient*. Ketika menaiki bukit, ia dalam keadaan kosong dan enjin juga dibiarkan hidup. Ketika itu, enjin dihidupkan menggunakan kayu api dari jenis kayu bakau. Kayu bakau dan arangnya adalah bahan bakar yang digunakan secara popular dan meluas dalam rumah dan kedai-kedai, termasuklah keretapi ketika itu.

Dengan sebab itu jugalah, penduduk Lahad Datu menjadikan kerja mencari bahan-bahan kayu api sebagai salah satu sumber mata pencarian hidup. Saya masih ingat lagi, semasa zaman kanak-kanak saya, sekitar 5-6 tahun, saya melihat dengan mata saya sendiri bagaimana orang-orang kampung mengangkut bahan-bahan kayu tersebut menggunakan perahu. Ia dipanggil “punggah”. Di pangkalan pula, tauke-tauke Cina datang untuk memajaknya. Manakala tauke-tauke tersebutnya kemudiannya mengedarkannya dan menjual kepada orang ramai. Kayu-kayu itu tersusun dan setelah dibelah mengikut saiz. Ia dijual dalam keadaan basah dan ada juga yang diletakkan ditepi jalan untuk dijual kepada orang ramai. Biasanya orang membeli dalam bilangan “seratus-seratus” belahan.

Orang biasa akan bertanya begini kepada penjual “berapa seratus?”. Jika tak silap saya, seratus belahan harganya agak murah dalam lingkungan 3 sen British.

Pendapatan penjual kayu ini agak lumayan berbanding dengan kadar gaji bulanan yang diperolehi oleh pekerja separuh mahir seperti kerani dalam sektor lain iaitu dalam lingkungan RM7.00 British. Manakala perkerja buruh kasar adalah antara RM3.00 hingga RM3.50. Bayangkanlah, betapa lumayannya pendapatan penjual kayu ketika itu. Semakin banyak kayu yang diperolehi, semakin banyaklah pula pendapatannya. Bahan itu pula cepat laku kerana ia satu-satunya bahan bakar yang digunakan semua orang pada ketika itu. Saya sendiri berpengalaman membelah kayu-kayu bakau itu menjadi saiz kecil untuk digunakan sebagai bahan bakar kami di rumah ketika itu. Saya masih ingat, terdapat banyak habuk dan warna dapur hitam akibat terkena asap.

Berbalik kepada kisah menggunakan 12 ekor kerbau menarik badan keretapi ke atas bukit, setiba di kemuncak bukit yang kedudukannya betul-betul berdekatan dengan bangunan Mahkamah Majistret yang baru pada hari ini, kerbau-kerbau itu akan dilepaskan. Tugas kerbau kini telah selesai. Seterusnya keretapi itu berjalan seperti biasa meneruni bukit yang agak landai menuju ke stesen keretapi yang terletak di hadapan lapangan terbang. Selepas menempatkan “*loading*” barang-barang keperluan ke estate, keretapi itu akan meneruskan perjalanannya ke Segama Estate membawa barang-barang keperluan dari landasan kapal terbang seperti beras, gula, tepung dan lain-lain lagi keperluan asasi di eastate.

Di estate pula, kerepai itu akan menarik pula gerabak-gerabak yang telah sedia diisi dan dimuatkan dengan “*bal*” tembakau. “Bal” itu adalah singkatan bundle. Tembakau yang telah dikeringkan diikat dan dibungkus dalam bentuk saiz 3 atau 4 kaki persegi. Setelah selesai semuanya, keretapi itu akan menunda gerabak-gerabak tersebut untuk dibawa ke Kastam Lama Lahad Datu untuk dipunggah ke kapal besar di pelabuhan yang telah sedia untuk menghantarnya ke England melalui pelabuhan Singapura. Bayangkan betapa lama perjalanan penghantaran yang ambil dari Lahad Datu ke England. Ini adalah antara bahan komoditi yang menguntungkan pihak Syarikat Hindia British. Harga komoditi bahan ini ditentukan oleh pihak agen British dan penduduk tempatan tidak mempunyai apa-apa hak untuk menentukan harga jualan tersebut.

Begitu jugalah dengan bahan komoditi lain seperti getah yang pada ketika itu juga menjadi salah satu bahan utama hasil pertanian yang dikeluarkan oleh Sabah yang dihantar ke luar negara. Semua harganya ditentukan oleh agensi British. Orang tempatan yang bersusah payah menanamnya tidak mengetahui apa-apa mengenai harganya. Apabila kita merujuk balik bagaimana British boleh berada di British North Borneo, mereka sebenarnya telah menjajah tanah besar ini untuk kepentingan perniagaan mereka. Sebab itu apa yang mereka pentingkan ialah untuk menjaga kepentingan mereka. Sehingga pada ketika itu, pengurus-pengurus estate berketurunan British diberi kuasa oleh Kerajaan British untuk menjalankan kuasa dan tanggungjawab sebagai pengurus estate dan juga majistret di estate.

Tujuannya adalah untuk menjaga ketenteraman dan menjaga kepentingan British. Majistret itu diberi kuasa untuk menangkap, mengeluarkan perintah reman<sup>2</sup> dan membicarakan kes-kes jenayah melibatkan pekerja ladang, termasuk menghukum pesalah berupa denda atau penjara. Ketika itu, penjara terletak di bawah jagaan polis. Keadaan ini masih berterusan selepas perang dunia kedua iaitu selepas kekalahan Jepun. Saya sempat lagi menyaksikan suasana ini. Sebab itu, orang tempatan sentiasa hormat dan takut dengan “orang putih”. Apabila saja orang tempatan ketika itu berjumpa orang putih, mereka terbawa-bawa perasan hormat dan takut kepada mereka. Tidak hairan apabila orang tempatan akan memanggil “tuan” juga kepada orang putih itu walaupun ia hanya seorang kerani biasa.

### **BEKERJA DI PEJABAT POS LAHAD DATU**

Kini bapa bekerja di Pejabat Pos. Bapa bekerja di pejabat pos Lahad Datu agak lama juga, kira-kira 3 dekad lamanya. Pertama, bekerja di bawah British sebelum pendudukan Jepun, keduanya, semasa pendudukan Jepun dan seterusnya, sekali lagi bekerja di bawah British selepas kekalahan Jepun. Tugas utama bapa sepanjang bertugas di pejabat pos ialah sebagai engine driver untuk membekalkan tenaga letrik bagi kegunaan pejabat pos dan rumah pegawai daerah. Pegawai daerah ketika itu adalah Orang Putih. Ketika pemerintahan Jepun, bapa mengalami pengalaman hidup yang penuh mendebarkan dan hampir-hampir membawa maut di tangan tentera Jepun. Ceritanya begini. Ketika itu saya masih terlalu muda dalam sekitar 3 tahun. Ingatanpun tidaklah begitu kuat dan ianya hanyalah dalam bentuk lintasan-lintasa peristiwa. Cerita ini saya perolehi sendiri daripada bapa sendiri.

### **UJIAN BESAR DI ZAMAN JEPUN<sup>3</sup>**

Kisah bermula apabila pada zaman pendudukan Jepun di North Borneo, seorang Komandan tentera Jepun berpakaian lengkap tentera dengan pedangnya sekali yang tersisip di pinggangnya, datang ke rumah bapa yang ketika itu kepunyaan seorang kawan bapa berbangsa Cina di sebuah kebun terletak di Dam Lahad Datu. Tahah itu seluas 100 ekar. Kami tinggal bersama bapa di rumah itu tanpa membayar sebarang sewa. Sebenarnya kami baru sahaja beberapa minggu tinggal di rumah kebun ini setelah berpindah dari rumah kerajaan yang disediakan kepada bapa saya berdekatan dengan hujung padang bola Pekan Lahad Datu. Rumah itu benar-benar berhampiran dengan pokok kayu jati yang masih lagi hidup sehingga kini. Rumah itu kini tidak lagi setelah dirobuhkan dan digantikan dengan bangunan baru.

---

<sup>2</sup> Reman adalah satu proses menahan seseorang yang disyaki terlibat dalam suatu kes jenayah oleh pihak polis untuk suatu tempoh tertentu dengan tujuan menyasat lebih lanjut orang tersebut. Remand tersebut memerlukan kebenaran dari seorang Majistret di tempat yang terdekat dengan penahanan tersebut.

<sup>3</sup> Temuramah Penulis dengan ayah mertua Hj Adenan bin Hj Mohd Yussuf di rumah kediaman Khadijah binti Adenan (Kak Dijah) di Rumah Kerajaan (JKR), Jalan Ledang, Kuala Lumpur pada 29 Mac 2008. Temuramah berlangsung dari Jam 9.30pm sehingga 11.40pm. Adakalanya, sebelum menyambung penceritaan seterusnya, penulis membacakan semula apa yang telah catat dalam computer riba dan ditunjukkan kepada ayah untuk kepastian dan pengesahan.

Saya masih ingat Komanden itu datang sekali sekala berbual-bual dengan bapa dengan menggunakan bahasa Melayu. Saya tidak pasti apa yang ia cakap. Ia datang beberapa kali. Kadang sekali dalam seminggu. Kadang-kadang tidak tentu masa. Ia datang ke rumah itu yang kebetulan terletak juga sebuah rumah berdekatan yang didiami oleh seorang “*post master*” atau ketua pos Lahad Datu yang bernama Chong Yen. Jadi ketika itu, bapa telah mengetahui bahawa Jepun akan menghapuskan dengan cara membunuh sesiapa sahaja yang tahu berbahasa Inggeris ataupun yang mempunyai apa-apa kemahiran tangan, termasuklah bapa saya yang mahir dalam bidang engine. Suasana ketika itu benar-benar mendebarkan bapa. Setiap kali Komanden Jepun itu datang ke rumah, dia akan merenung tepat ke wajah bapa dengan renungan yang mempunyai erti dan tujuan tersendiri. Sebelum beredar, Komanden itu akan meninggalkan pesan dengan katanya “saya akan datang sekian-sekian haribulan, kau jangan pergi mana-mana!” Hanya Allah saja yang maha mengetahui segala-galanya ketika itu.

Sebagai anak-anak kecil ketika itu, kami tidak mengerti apa-apa akan maksud dan tujuan orang jepun itu datang bertemu bapa. Ketika itu, hanya abang kami yang sulung iaitu Hj Abdul Salam tidak tinggal bersama kami kerana ia sedang belajar di Kuching Sarawak. Ia sebenarnya dihantar ke sana atas tanggungan dan sokongan kerajaan Jepun untuk mengikuti kursus dalam bidang wireless dan bahasa Jepun. Ketika itu umur abang adalah dalam sekitar dalam 14 atau 15 tahun.<sup>4</sup> Kehidupan kami sekeluarga adalah seperti biasa. Pada satu pagi, bapa telah memeluk dan mencium anak-anak di dalam rumah tanpa bercakap apa-apa. Ketika itu airmatanya mengalir tanda rasa sedih yang kami sendiri tidak tahu apa maksud dan sebab sedemikian rupa. Ketika itu, mama sudahpun meninggal dunia akibat terbakar sewaktu sembahyang subuh 2 tahun sebelumnya. Ia meninggal dunia pada tahun 1941 ketika Jepun telahpun menduduki tanah besar Borneo.

Selepas memeluk dan mencium anak-anak semuanya, bapapun berangkat diiringi seorang tentera Jepun yang dari awal lagi memerhati segala gerak geri bapa termasuklah perbuatan bapa memeluk dan mencium anak-anaknya. Tidak ada seorangpun di kalangan kami anak-anaknya yang tahu ke mana bapa hendak dibawa oleh tentera Jepun itu. Tinggallah kami 6 orang adik-beradik dalam rumah itu tanpa ibu dan bapa selama 2 hari. Tidak ada apa-apa punca pencarian dan makanan dalam rumah selama ketiadaan bapa. Kakak saya yang paling tua ketika itu ialah Ramlah bte Hj Mohd Yussuf. Sebelum bapa keluar dari rumah itu, bapa sempat sembahyang sunat 2 rakaat.<sup>5</sup> Dua hari kemudian, tiba-tiba bapa muncul kembali di rumah kami. Kami merasa amat gembira atas kepulangan

---

<sup>4</sup> Hal ini disahkan sendiri oleh Hj Abdul Salam HJ Mohd Yussuf ketika penulis bersama-sama dengan Ayah berkunjung ke rumah kediaman anak lelaki pertamanya di USJ Jalan 2/4Q, No.91, Subang Jaya Selangor yang biasa dipanggil “Zen” pada 30 Mac 2008 sekitar jam 5.00pm hingga 6.30pm. Hj Abdul Salam yang biasa dipanggil “Tua Salam” kini tinggal menetap sementara di rumah anaknya itu untuk menemani isterinya “Tua Sely” yang mengalami kecederaan serius di kakinya akibat terjatuh ketika berada di kebun. Kaki sebelah kanan patah dan kini menunggu untuk sembuh yang dijangkakan mengambil masa sekurang-kurangnya 2-3 bulan lagi. Tua Salam kini berusia 80 tahun dan masih boleh berjalan sendirian, walaupun kelihatan agak lemah akibat faktor umur.

<sup>5</sup> Ketika menceritakan detik-detik sedih dan mencemaskan ini, Ayah kelihatan sedih dan agak sebak di dada. Penulis dapat merasakan bahawa Ayah sedih mengenangkan nasib mereka ketika itu dan ujian besar yang akan ditempuh oleh bapa Ayah. Lebih-lebih lagi ibu mereka baharu sahaja meninggal dunia. Bapalah tempat menumpang, berkasih, bermanja dan harapan segala-gala ketika itu. Bapa menjadi bapa dan ibu kepada anak-anaknya.

bapa. Hidup kami kembali ceria. Ketika itulah baharulah bapa menceritakan apa sebenarnya yang terjadi selama ia hilang dibawa tentera Jepun selama 2 hari.

Ceritanya begini. Ketika bapa yang diiring tentera Jepun itu sampai ke Batu 3 Jalan Segama Lahad Datu, bapa melihat ada sebuah lubang besar yang telah sedia digali. Kelihatanlah pada ketika itu rakan-rakan kenalan bapa sudahpun berdiri di tepi lubang besar itu untuk sedia dipancung tentera Jepun. Tukang pancung tentera Jepun juga telahpun siap sedia dengan pedangnya yang amat tajam untuk memancung leher kawan-kawan bapa. Ketika itu bapa juga telah pasrah, namun tidak putus-putus berzikir dan berdoa kepada Allah SWT dengan menyerahkan diri sepenuhnya urusan tersebut ke hadrat Ilahi. Bapa juga turut dibariskan di tepi lubang bersama rakan-rakannya untuk menjalankan upacara pemuncungan. Tidak semana-mana, dalam keadaan yang sangat mencemaskan dan mendebarkan itu, kedengaranlah bunyi kapal terbang yang kuat menderum-derum di atas udara di kawasan pemuncungan itu.

Rupa-rupanya sebuah kapal terbang yang mempunyai 2 badan kepunyaan tentera Amerika sedang terbang rendah melalui tepat di kawasan itu. Kapal terbang Amerika itu melepaskan tembakan rambang dari udara berkali-kali di sekitar tempat pemuncungan untuk menakutkan tentera Jepun. Walau bagaimanapun tembakan itu tidak disasarkan kepada sesiapa pun ketika itu. Kedatangan mengejut kapal terbang yang datang secara tiba-tiba itu benar-benar membuatkan tentera Jepun panik dan terkejut. Mereka melarikan diri lintang pukang menyelamatkan diri masing-masing ke dalam hutan. Bagi bapa dan rakan-rakannya pula, kejadian itu adalah satu rahmat terbesar yang tidak ternilai harganya dari Allah SWT. Ia benar-benar menepati satu istilah dalam bahasa orang Putih yang berbunyi "*blessing in disguise*". Ertinya mendapat rahmat atau kebaikan ketika dalam suasana kepertian dan kesusahan.

Dalam masa yang singkat, kelibat tentera-tentera Jepun sudah tidak kelihatan. Mereka melarikan diri dengan segera. Kini tempat pemuncungan itu telah sepi dari kelibat-kelibat tentera Jepun. Ini bermakna, upacara pemuncungan kepala bapa dan rakan-rakannya telah "terbatal" dengan sendirinya. Bapa dan rakan-rakan yang lain masing-masing turut melarikan diri masuk ke hutan. Bapa lari bersama-sama dengan rakan rapat sekerjanya bernama Chong Yen. Bapa rapat dengan Chong Yen kerana rumahnya berdekatan dengan rumah bapa di Dam Lahad Datu. Ketika melarikan diri, bapa dan Chong melihat banyak risalah bertulis yang ditaburkan oleh tentera Amerika dari kapal terbang perang sebentar tadi. Risalah itu ditulis dalam bahasa Inggeris. Kebetulan Chong Yen fasih dalam bahasa Inggeris. Chong membaca dan dapat memahami kandungan risalah itu. Menurut Chong, risalah itu memberitahu bahawa Negara Jepun telahpun dibom dengan teruknya dengan menggunakan bom atom. Bandar utama Jepun iaitu Hiroshima dan Nagasaki telah hancur. Risalah itu juga memberitahu bahawa tentera Jepun kini telah menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua. Oleh itu, peperangan Dunia Kedua telah tamat. Kejadian itu berlaku pada Oktober tahun 1945. Demikianlah kandungan risalah yang ditaburkan dari udara itu.

Walaupun telah mendapat berita gembira mengenai kekalahan tentera Jepun dari risalah tersebut, bapa dan rakannya masih lagi mempunyai perasaan bimbang dan takut untuk

kembali terus ke rumah pada hari itu. Mereka takut kalau-kalau tentera Jepun masih berada di sekitar kawasan terdekat. Paling ditakuti, nyawa masih boleh hilang bila-bila masa di tangan tentera Jepun yang kejam itu. Bagi mereka, keadaan belum selamat lagi. Oleh itu, mereka membuat keputusan untuk tidak kembali terus ke rumah tetapi sebaliknya bersembunyi terus di dalam hutan belukar agar tidak dikesan atau ditemui tentera Jepun. Di hutan itulah mereka terpaksa memakan apa sahaja makanan yang boleh menghilangkan rasa lapar mereka. Ubi kayu menjadi “santapan” utama mereka sepanjang berada di dalam hutan.

Selepas 2 hari bersembunyi, mereka berjalan melalui tanah kebun orang kampung di sekitarnya dengan harapan, andai bertemu orang kampung, dapatlah ditanya samada tentera Jepun sudah berundur sepenuhnya atau tidak. Penduduk kampung yang ditemui mengesahkan pengunduran tersebut. Pengesahan orang kampung itu benar-benar membuatkan mereka yakin bahawa kini keadaan benar-benar selamat untuk kembali ke rumah. Bapa dan Chong Yen akhirnya kembali semula ke rumah untuk menemui keluarga masing-masing yang telah ditinggalkan selama 2 hari. Sekembali ke rumah, baharulah bapa menceritakan kepada kami apa sebenarnya yang telah berlaku. Baharulah kami, anak-anaknya mengetahui apa yang sebenarnya berlaku. Adapun mengenai tanda tanya bagaimana kapal terbang perang Amerika itu dapat mengesan tempat bapa dan rakan-rakannya yang akan dipancung, rupa-rupanya ada seorang penduduk tempatan yang mengetahui hal tersebut telah ikut bersama menaiki pesawat perang itu untuk menunjukkan tempat pemancungan. Tidak dapat dipastikan pula siapakah orang tempatan yang menaiki pesawat itu. Sesungguhnya jasanya amat besar dan tidak ternilai harganya. Hanya Allah s.w.t sahajalah yang membalas segala kebaikan kepadanya.

### **KEHIDUPAN SELEPAS ZAMAN JEPUN**

Kini tentera Jepun tidak lagi menghantui kehidupan penduduk North Borneo. Walaupun begitu, kesengsaraan hidup dan ketakutan yang dilalui semasa pendudukan Jepun walaupun hanya dalam tempoh yang agak singkat tidak akan hilang dalam ingatan. Bapa meneruskan kehidupan bersama anak-anak seperti biasa dengan menangkap ikan di laut bersama abang saya nombor 2 iaitu Abdul Safar Hj Mohd Yussuf di laut melalui sungai Dam yang agak cetek. Hasil tangkapan ikan sebahagiannya ditukarkan dengan bahan-bahan makanan lain dengan jiran-jiran yang berbangsa cina yang tinggal di Jalan Dam seperti jagung, beras, ubi kayu, gula tebu dan lain-lain. Selepas pengunduran tentera Jepun, tentera bersekutu terdiri dari British dan Australia mengambil alih pentadbiran dan kawalan keselamatan di North Borneo. Gabungan tentera ini dipanggil BMG iaitu British Military Government. Pada mulanya tentera Australialah yang mengambil alih kuasa pentadbiran bagi pihak tentera British. Ketika itulah tentera Australia membawa banyak bantuan makanan kepada penduduk di Lahad Datu seperti makanan tin, gandum, barli, tepung, daging tin yang tidak diketahui halal atau haram. Orang-orang tempatan yang sedang dalam kebuluran tidak lagi kisah atau mengambil berat halal atau haramnya makanan itu. Saya juga turut makan makanan yang dihulurkan itu.

Selepas lebih kurang 2 minggu pengunduran Jepun, keadaan telah menjadi reda dan aman tenteram. Bapa telah membawa Abang Safar untuk pergi meninjau rumah kerajaan yang telah lama kami tinggalkan di tepi padang bola sepak itu. Setelah pasti keadaan aman, kami berpindah semula ke rumah tersebut dan tinggal di sana sehinggalah bapa tamat bekerja di post office itu selama 22 tahun tanpa cuti.

### **BERHENTI KERJA: TIADA CUTI**

Selepas 22 tahun bekerja di post office, akhirnya bapa mengambil keputusan untuk berhenti bekerja gara-gara tidak dibenarkan mengambil cuti walaupun sehari. Tindakan ini diambil sebagai satu protes terhadap tindakan majikan British yang kelihatannya tidak mempunyai timbang rasa. Akibatnya, bapa berhenti tanpa menerima kemudahan pencen yang sepepatnya boleh diterima oleh pesara kerajaan. Rakannya, Chong Yen yang terus sahaja bekerja di Post Office sehingga pencen telah menikmati ganjaran pencen. Last post Chong Yen ialah di Daerah Sandakan sebagai Post master. Saya masih ingat lagi ketika saya yang sedang bersekolah Inggeris di Sandakan, saya telah datang berjumpa dengan Chong Yen di tempat kerjanya di Sandakan untuk mengambil kiriman duit dari bapa dari Lahad Datu. Biasanya saya dapat dalam RM150.00. Jumlah itu bagi saya adalah sudah cukup mewah sehingga baju saya distrika oleh orang Cina di kedai dobi. Bayangkan dengan wang sebanyak RM150.00 sebulan yang bapa bagi, nilainya sudah lebih daripada mencukupi dan rasanya keadaan hidup saya ketika itu adalah tergolong dalam orang-orang yang senang sedikit.

Saya tidak lagi memasak sendiri di hostel Gereja ST Micheal Sandakan. Sebaliknya saya biasanya makan di gerai makan atas bangunan pasar Sandakan. Saya hanya bayar sekali dalam sebulan kepada pemilik gerai tersebut dengan bayaran RM15. Dengan bayaran tersebut, saya dapat makan tengahari dan petang. Bapa berhenti dari post office Lahad Datu pada tahun 1953. Umurnya telahpun mencecah 53 tahun ketika itu. Saya pula masa itu baru saja menamatkan pelajaran dalam darjah 5 iaitu Venicular School yang bermaksud sekolah kampung di Lahad Datu. Umur saya ketika itu dalam 13 tahun. Kawan-kawan saya yang telah berumur tua dari saya telah mendapat perkerjaan dalam kerajaan. Agak senang dapat pekerjaan ketika itu.

### **BEKERJA SEMULA DI SEGAMA ESTATE LAHAD DATU<sup>6</sup>**

Setelah berhenti berkerja di Post Office Lahad Datu, bapa beralih kerja di Rubber Estate, Jalan Kg Tebanak, Lahad Datu kepunyaan British sebagai penoreh getah. Kerja menorah getah ini bukanlah baru bagi bapa kerana bapa pernah mendapat pengalaman menorah getah ketika ia menetap di Tanah Melayu dahulu. Bapa hanya kerja di Rubber Estate selama lebih kurang 6 bulan. Bapa kemudiannya bekerja sebagai penjaga Pam Air di Segama Estate Lahad Datu, tempat kerjanya ketika mula-mula sampai dari Tanah Melayu. Tidak sampai 2 tahun bapa di Segama Estate, bapa kemudiannya mengambil keputusan untuk berhenti kerja.

---

<sup>6</sup> Temuramah Penulis dengan ayah mertua pada 1 April 2008 di rumah kediaman kerajaan Abang Mail, KL.

Bapa kemudiannya membawa kami anak-anaknya berpindah ke kebun bapa di Kg Bulus yang terletak di antara Tangan Nipah dan Kg Bikang Lahad Datu. Jaraknya adalah lebih kurang 9 batu dari Pekan Lahad Datu. Perjalanan menggunakan perahu terpaksa mengambil masa selama 12 jam lamanya kerana tidak ada jalan raya ketika itu. Perahu pula tidak berenjin tetapi hanya semata-mata menggunakan dayungan atau layar yang diperbuat daripada “daun kajang” iaitu daun nipah yang biasa digunakan menjadi atap rumah. Tanah seluas 7 ekar itu adalah tanah yang bapa beli dari sahabat baiknya bernama Habib Ali bin Syed Saifuddin, berketurunan Arab Hadralmaut. Habib Ali adalah datuk kepada YB Syed Abbas Ali yang kini menjawat jawatan sebagai Pengerusi MUIS merangkap ADUN kawasan Balung. Semasa berada di Segama Estate inilah persekolahan kami sebagai anak-anaknya tergandala. Kami berada di estate itu selama setahun.

Selama setahun itulah kami tidak dapat bersekolah seperti anak-anak orang lain. Abang saya, Hj Abdul Salam yang telahpun tamat kursus wireless di Kuching Sarawak sempat berkerja di Jesselton di Jabatan Keretapi di bahagian buruh. Tidak sampai setahun lamanya bekerja di Jesselton, abang saya dihantar pulang ke Lahad Datu oleh British menaiki kapal terbang air atas ehsan kerajaan British. Kini kami hidup semula sebagai satu keluarga tanpa ibu. Hidup kembali ceria kerana kami telah berkumpul semula. Ketika berumur 17 tahun, Abang Salam diambil bekerja di Post Office Lahad Datu menggantikan tugas bapa yang tidak dapat turun bekerja selama 3 bulan kerana sakit-sakit. Sejak itu, bapa tidak lagi menyambung pekerjaannya di Post Office dan mengambil keputusan berhenti kerja. Abang Salam hanya bekerja di Post Office selama 3 bulan sahaja. Atas bantuan kawan karib bapa, Khamis bin Cabang ketika itu berkerja di Jabatan Perhutanan Lahad Datu, abang Salam telah diambil bekerja sebagai kerani export import di Segama Estate yang berpejabat di Kastom Lama, Lahad Datu. Agak lama juga Abang Salam bekerja di Segama Estate, iaitu dalam 10 tahun lamanya. Pendapatan Abang Salam kini sekurang-kurangnya dapat meringankan beban hidup kami sekeluarga yang selama ini ditanggung oleh bapa. Sebahagian besar gaji Abang Salam juga digunakan untuk perbelanjaan kami sekeluarga.

### **ABANG SALAM AHLI SUKAN**

Ketika mudanya, Abang Salam aktif dalam bidang sukan di Lahad Datu. Dalam acara “*discasthrow*”, suatu jenis sukan melibatkan lempar piring dan “*jevelline*” iaitu melontar lembing, abang Salam biasanya menjuarai acara kedua-dua jenis sukan itu di Daerah Lahad Datu. Tidak hairanlah abang Salam terpilih beberapa kali dalam tempoh beberapa tahun mewakili Lahad Datu dalam acara sukan peringkat Negeri di Jesselton. Cuma, saya tidak pasti bagaimana pula pencapaian prestasinya di peringkat negeri. Dengan umur kini yang telah mencacah 80 tahun, badannya masih agak segak dan ini adalah sebahagian besarnya kesan daripada kecergasan dan kesihatan badannya yang diperolehi dalam bidang sukan ketika zaman mudanya. Zaman kegemilangannya dalam acara sukan terserlah ketika umurnya dalam lingkungan 20-an sekitar tahun 50-an.

Antara orang ternama yang sama-sama terlibat dalam sukan negeri ketika itu ialah Datuk Ariaiah Tengku Ahmad, seorang ahli politik wanita terkenal di zaman kegemilangan Parti BERJAYA, Sabah. Ketika itu beliau mewakili Daerah Jesselton dalam acara sukan. Kini, dengan usia yang telah lanjut, abang Salam sudah kehilangan kawan-kawan seangkatannya di Lahad Datu kerana rata-ratanya sudah kembali di panggil Allah s.w.t. Dengan kata lain, abang Salam berada dalam situasi “*lone renjer*”.

### **SAHABAT-SAHABAT ABANG SALAM**

Antara sahabat rapat abang Salam di Lahad Datu ialah Ali Petail, bapa kepada 2 orang kenamaan di negara ini iaitu Datuk Abdul Wahab Petail, kini memegang jawatan sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Persekutuan di Kuala Lumpur. Seorang lagi anaknya yang begitu berjaya dalam professionnya ialah Tan Sri Abdul Ghani Petail, kini memegang jawatan tertinggi negara iaitu Peguam Negara Malaysia. Satu ketika dahulu, Datuk Abdul Wahab Petail ketika memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi, beliau telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai Muamalat Division, satu bahagian penting di Mahkamah Tinggi Awam Kuala Lumpur yang dikhususkan untuk mendengar dan membicarakan kes-kes pertikaian berhubung perbankan Islam. Beberapa penghakiman bertulisnya mengenai kes-kes berhubung perbankan Islam dalam dilihat dalam laporan-laporan undang-undang seperti *Malayan Law Journal (MLJ)* dan *Current Law Journal (CLJ)*.

Tan Sri Abdul Ghani Petail pula begitu cemerlang prestasi dalam kerjayanya semasa menjadi salah seorang Peguam Utama Kerajaan Malaysia dalam kes kontraversi melibatkan Mantan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, sekitar tahun 1998. Prestasi cemerlangnya mendapat perhatian serius dari kerajaan Malaysia dan seterusnya dilantik menjadi Peguam Negara yang baru sehingga kini. Kedua-dua orang ternama ini adalah kelahiran Lahad Datu. Mereka menjadi kebanggaan warga Lahad Datu. Kedua-dua mereka mendapat pendidikan awal di St Dominic School, Lahad Datu, sebuah sekolah missionary Roman Catholic yang menjalankan pembelajaran sepenuhnya dalam bahasa Inggeris. Saya masih lagi ingat ketika saya dalam darjah 6 di sekolah tersebut, Abdul Wahab Petail baru masuk dalam darjah satu di sekolah yang sama. Adiknya, Abdul Ghani Petail juga bersekolah di sekolah yang sama tetapi saya tidak sempat lagi melihatnya memandangkan saya sudah tamat persekolahan lebih awal.

Berbalik kepada sahabat-sahabat abang Salam di Lahad Datu, salah seorangnya ialah Ali Petail seperti yang disebutkan sebelum ini. Umurnya sebaya dengan Abang Salam. Mereka memang sahabat yang rapat. Ali Petail pernah suatu ketika dahulu sekitar tahun 1970-an, memegang jawatan sebagai penting dalam petubuhan USIA di Lahad Datu, dan penglibatannya dalam pertubuhan ini adalah berterusan sehinggalah ia meninggal dunia pada tahun 1980-an. Ali Petail adalah seorang yang gigih dalam memperjuangkan Islam. Ia berketurunan “*Sheikh*” India. Saya sempat berjumpa dengan bapa kepada Ali Petail, iaitu datuk kepada Abdul Wahab Petail di Lahad Datu sekitar tahun 1950-an. Usianya ketika itu telah lanjut berbanding bapa saya. Cuma, saya tidak ingat lagi siapa nama datuk mereka itu.

Tidak diketahui pula samada datuk mereka itu lahir dan datang dari India. Tetapi apa yang saya tahu, dia adalah seorang peniaga berketurunan India Muslim dan mempunyai harta seperti tanah dan rumah di Tangganipah, satu kawasan kampung berdekatan dengan Kg Binuang, terletak di Batu 5, Jalan Silabukan, Lahad Datu. Masih segar lagi dalam ingatan saya semasa saya bekerja sebagai Penolong Pegawai Daerah Lahad Datu, pada awal tahun 1970-an, Ali Petail selalu menjemput saya datang ke rumahnya yang terletak di Tangganipah untuk majlis kenduri seperti kenduri arwah, Maulidul Rasul, hari raya dan lain-lain lagi. Ia dibuat setiap tahun. Nasi beriani dan nasi minyak yang dihidangkan seperti sudah menjadi “wajib” ada dalam setiap majlis kenduri itu. Saya akui bahawa masakan nasi minyak biryani yang sememangnya sedap dan diakui ramai rakan-rakan. Ia adalah hidangan istimewa yang dimask sendiri oleh kakak kandung Ali Petail bersama isterinya. Rumah itu terletak di atas bukit dalam kawasan tanahnya yang agak luas, dianggarkan kira-kira dalam 400 ekar. Isteri kepada Ali Petail adalah berbangsa Cina yang telah memeluk Islam, masih hidup dan kini menetap di Kota Kinabalu bersama anak perempuannya iaitu Sufiah bte Ali Petail.

Isterinya yang kini berusia dalam lingkungan pertengahan 70-an, ada kalanya datang berjumpa saya di pejabat perniagaan saya, Minda Management, di Wisma MUIS ditemani oleh sepupu perempuannya yang juga berketurunan Cina, namanya Liew Ke Chin. Saya kenal rapat dengan Liew Ke Chin kerana kami pernah bersekolah satu kelas di St Dominic Lahad Datu pada tahun 1954-1958. Kehadiran mereka ke pejabat saya adalah hasil ikatan persahabatan keluarga saya yang rapat sejak dari dulu bermula dari bapa saya dan kami adik beradik. Sekali sekala pertemuan walaupun singkat itu dapat mengingatkan kisah-kisah lampau termasuklah sedikit sebanyak perkembangan hubungan dengan anak-anaknya. Ibu kepada anak-anak yang telah berjaya ini memang berbangga dengan kejayaan besar anak-anaknya sehingga menjadi orang penting dan ternama dalam negara.

Namun demikian, ibu mereka menyatakan betapa sukarnya hidup bersama anak-anaknya kerana segalanya-galanya suasana hidup anak-anaknya kini begitu “terkongkong” kesan langsung daripada status penting dalam masyarakat dan negara. Hidup mereka sudah dilingkari suasana penuh protokol dan rasmi. Rumah turut dikawal oleh pihak keselamatan 24 jam. Bagi seorang anak kampung, ibu mereka meluahkan hatinya bahawa ia merasakan kebebasan yang sepatutnya dikecapi tidak lagi dapat dirasai. Naluri sebagai anak jati kampung yang sebat dengan jiwanya sukar untuk ia hidup dalam lingkungan yang terbatas itu. Kali terakhir ibu mereka datang menemui saya di Pejabat saya ialah tahun 2007 sebanyak 2 kali. Saya amat menghormati isteri kepada sahabat saya yang juga sahabat rapat kepada Abang Salam, Allahyarham Ali Petail.

Saya masih ingat, sekitar tahun 2000 ke atas, Datuk Abdul Wahab Petail datang bersama adiknya, Sufiah bte Petail di pejabat saya atas urusan perkahwinan adik perempuannya, Sufiah dengan bakal suaminya, Yong, seorang muallaf Cina. Ketika itu saya masih lagi menjalankan tugas sebagai Pesuruhjaya Sumpah di samping menjalankan khidmat kaunseling keluarga dan penyediaan tapi menaip dokumen berkaitan. Sebagai rakan karib, saya menghulurkan bantuan dari segi penyediaan dokumentasi berkaitan dan seterusnya bersama-sama hadir dalam majlis akad nikah Sufiah di hadapan Jurunikah

Bertauliah, Imam Yunus di Bangunan USIA, Sembulan Kota Kinabalu. Oleh kerana wali akrab iaitu bapa kandung sudah meninggal dunia, Datuk Abdul Wahab sebagai abang kandung tertua telah menjadi wali kepada pernikahan tersebut.

### **ANAK-ANAK KEMBALI SEKOLAH**

Kami tinggal di Kg Bulus, Lahad Datu selama 6 bulan. Selama tempoh itu, bapa menjual kelapa kering kepada taukeh-taukeh Cina di Lahad Datu. Kelapa tua itu diambil dari kebun kelapa di tapak tanah bapa yang telah sedia tertanam sewaktu bapa membelinya dari sahabat karibnya, Habib Ali. Selepas 6 bulan, kami berpindah pula ke Pekan Lahad Datu. Kami tinggal di sebuah rumah kongsi kerajaan kepunyaan JKR. Hasil usaha abang Salam yang telah mencarikan kerja untuk bapa di JKR melalui sahabat Abang Salam, Hayat bin Petail yang kebetulan bertugas sebagai pegawai kerja JKR ketika itu, akhirnya bapa mendapat kerja di JKR sebagai penjaga enjin “*stone crusher*” dengan gaji bulanan sebanyak RM90.00. Di jabatan yang sama, bapa seterusnya beralih bidang kerja sebagai penjaga enjin pam air di tebing Sungai Beduk, Lahad Datu dengan gaji bulanan yang lebih tinggi iaitu RM130.00.

Dengan tugas baru, bapa telah diberi kemudahan sebuah rumah kerajaan di hilir Sungai Beduk yang berhampiran dengan Masjid Baru, di atas bukit yang ada pada hari ini. Kami tinggal di sana selama lebih kurang 6 tahun. Memandangkan rumah tersebut telah usang di samping kawasan sekitarnya selalu banjir, kami dipindahkan ke rumah JKR yang baru dibina yang terletak di Jalan Kastom Lama. Kini rumah itu tidak ada lagi dan apa yang ada pada hari ini ialah rumah-rumah kedai. Inilah rumah terakhir kami sekeluarga tinggal sehingga bapa berhenti terus dari kerja dengan kerajaan pada tahun 1968. Pada kami, rumah terakhir ini amat bermakna dan baik sekali kerana boleh dikatakan rezeki kami mudah diperolehi. Saya mengatakan begitu kerana kedudukan rumah yang terletak di tepi laut membolehkan kami membuka workshop membaiki enjin-enjin outboard atau dinding papan dan juga enjin sangkut orang Bajau yang digunakan untuk menangkap ikan.

Dalam masa yang sama, kami juga mudah turun ke laut untuk menangkap ikan. Ketika tinggal di sanalah kami adik beradik berpeluang untuk menimba ilmu pelayaran dan hal-hal yang bersangkutan dengan laut. Bagi kami, perpindahan ke tempat baru ini adalah satu rahmat Allah yang besar kerana kami kini dapat meneruskan kembali persekolahan kami yang telah kami tinggalkan hampir setahun. Kami tidak menyangka bahawa kami akan kembali menikmati alam persekolahan sepertimana kawan-kawan yang lain.

### **BAPA BERSARA**

Bapa berhenti kerja dari kerajaan pada tahun 1968. Pekerjaan terakhirnya adalah sebagai penjaga pam air. Ketika berhenti, saya sudahpun bekerja dengan kerajaan di Sandakan sebagai Kerani Resident Office. Saya sendiri mula bekerja dengan kerajaan pada tahun 1964 bermula di Resident Office di Sandakan sebagai kerani. Ketika itu, Resident British bernama Reauter Ford merupakan Resident terakhir British di Sandakan. Pegawai Daerah

Sandakan yang terakhir pula dari bangsa British ialah Bobrock. Mereka masih lagi memegang jawatan tersebut walaupun North Borneo telah menderka pada tahun 1963 memandangkan zaman itu adalah zaman transisi atau peralihan pentadbiran dari British kepada kerajaan sendiri. Saya sendiri ketika itu tinggal di Sandakan.

Beberapa bulan sebelum berhenti kerja, saya telah melangsungkan perkahwinan dengan wanita pilihan saya dari Sandakan pada 12 April 1968. Nama wanita yang bertuah itu adalah Assnah bte Dullah, berbangsa Brunei, yang tinggal di Kg Gelam, Sandakan. Abang Salam pula ketika itu sudah lebih dulu berumahtangga dan telahpun mempunyai rumah sendiri. Anak-anak bapa juga telah ada rumah masing-masing. Saya sendiri tinggal di rumah kerajaan di Sandakan. Bagi bapa pula, setelah berhenti kerja dan tidak ada commitment kerja dengan sesiapa, di samping tidak lagi mempunyai tanggungan ke atas anak-anak, ini adalah masanya untuk tinggal dari satu rumah ke satu rumah anak-anaknya menurut masa dan kesempatan yang ada. Baginya, inilah masanya untuk berehat dan bersama-sama dengan anak-anak dan cucu-cucunya.

Sungai Beduk adalah hasil buatan tangan orang, bukan sebagai sungai semulajadi. Sungai ini pada mulanya hanya berbentuk sebuah parit yang dibina oleh kerajaan British sebelum pendudukan Jepun yang bermula dari hulu Sungai Tebanak menuju ke kuala Sungai Singgahmata yang bersambung terus dengan laut. Lama-kelamaan, parit tersebut membesar dan akhirnya menjadi sebuah sungai sepertimana yang dapat dilihat pada hari ini. Sungai ini mempunyai sejarah istimewanya yang tersendiri.

### **SUNGAI BEDUK LAHAD DATU**

Ini adalah sungai buatan manusia pada zaman British. Sungai yang pada mulanya hanyalah parit dibuat untuk membekalkan air ke Pekan Lahad Datu sebelum pendudukan Jepun lagi. Sebuah mesin pam air diletakkan di tebing sungai tersebut untuk menyedut air dari sungai tersebut yang beroperasi selama 24 jam. Pam itu dapat berfungsi dengan baik tanpa menggunakan tenaga manusia. Kaedahnya ialah mesin itu tidak menggunakan tenaga elektrik tetapi ia dapat berfungsi bergantung kepada kekuatan tekanan air dalam sungai buatan itu. Semakin deras aliran dalam sungai itu, semakin banyak air yang dapat disedut. Mesin itu ada 2 valve yang berganti-ganti secara buka-tutup. *Cylinder* atau bekas yang kosong akan diisi air. Apabila ia penuh, ia secara automatik akan turun dan mengeluarkan air didalamnya ke kolam air yang kedudukannya terletak berhampiran dengan bangunan Mahkamah Magistrate yang ada pada hari ini. Manakala, *cylinder* yang kosong pula akan naik dan mula diisi dengan air. Begitulah prosesnya. Kedua-dua *cylinder* itu diisi air secara berganti-ganti dan gerakannya akan bertambah laju apabila aliran air sungai menjadi laju. Peralatan pam ini diambil dari Jerman. Kaedah ini masih terus digunakan semasa musim Jepun dan selepas British mengambil alih semula North Borneo dari Jepun.

Pada zaman kanak-kanak, saya dan rakan-rakan sebaya selalu mandi di bawah tangki besar pam itu kerana seronok mandi di bawah tangki air yang airnya keluar mencurahkan turun akibat limpahan berlebihan. Bunyi pam air yang meletup kuat seperti bunyi

mariam yang bunyinya dapat didengari dari jarak yang jauh begitu menarik perhatian dan menyeronokkan kami. Hanya beberapa tahun selepas Briish kembali ke North Borneo, selepas kekalahan Jepun, pam air ini tidak lagi digunakan. Kaedah baru menggunakan teknologi moden telah digunakan.

Sungai Beduk juga telah mencatatkan sejarahnya tersendiri apabila ia menjadi tapak sesetengah orang-orang kampung sekitarnya mencari rezeki dengan mencari emas menggunakan dulang di sungai itu. Siapa sangka sungai yang pada asalnya hanya sebuah parit buatan telah mendatangkan sumber rezeki iaitu emas. Pendapatan hasil dulangan emas itu amat lumayan kerana ada ketikanya, para pendulang mendapat pulangan sehingga RM3.00 dalam sehari. Jumlah ini adalah tinggi pada ketika itu. Masih segar dalam ingatan saya apabila saya sendiri menyaksikan dengan mata saya bagaimana Abang Salam turun ke sungai itu untuk mendulang. Tiba-tiba ia mendapat seketul emas yang saiznya sebesar biji buah mata kucing. Warnanya kuning emas. Saya sendiri pernah sekali turun ke sungai itu untuk mendulang. Emas yang diperolehi pula akan dijual ke kedai-kedai emas yang dimiliki taukeh-taukeh Cina.

Aktiviti ini akhirnya terhenti begitu sahaja apabila British dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada para penduduk. Pekerjaan mencari emas menjadi aktiviti beberapa penduduk kampung memandangkan tidak ada pekerjaan tetap yang tersedia akibat pendudukan Jepun sebelumnya. Kini, sungai tersebut sudah tidak begitu berfungsi. Ia tidak terpelihara dan menjadi tempat pembuangan sampah. Dengan kata lain, sungai ini tidak lagi terurus sepertimana suatu ketika dahulu.

Secara peribadi, berdasarkan kepada pengetahuan saya, tidak mustahil masih ada emas di sekitar sungai itu atau kawasan-kawasan berhampiran seperti Sungai Tebanak terutama di ulu sungai yang melintasi kebun baru Batu 1, Jalan Segama dan juga di bahagian sungai yang melintasi hujung landasan kapal terbang, Lahad Datu. Saya berpendapat demikian kerana di samping melihat sendiri aktiviti pencarian emas di Sungai Beduk, kawan-kawan saya seperti Omar bin Said yang menetap di Batu 3, Jalan Segama pernah menceritakan kepada saya sekitar tahun 1950-an bahawa dia ada melihat orang mendulang emas di sekitar sungai di hujung landasan kapal terbang. Ia mengakui bahawa ia sendiri dapat melihat hasil dulangan mereka yang emasnya berbentuk emas kertas. Emas itu dipanggil orang sebagai emas kertas atau emas daun. Ia berbentuk nipis. Omar Said menceritakan kepada saya hal ini ketika kami sedang mandi bersama-sama di sungai hujung lapangan terbang itu.

## **KEHIDUPAN SELEPAS BERSARA**

Ketika berhenti kerja, umur bapa telah mencapai 68 tahun. Kini ia bebas ke sana ke mari untuk melawat anak cucunya. Tahun 1972 merupakan tahun bersejarah dan penuh bermakna bagi bapa. Jika pada tahun 1915 dahulu, bapa menghantar rombongan yang melibatkan keluarganya dari Tanah Jawa ke Singapura untuk urusan haji, kini tibalah gilirannya untuk menjejakkan kaki ke Tanah Suci Makkah. Menurut bapa, memang ia teringin sekali mengikuti rombongan keluarga ke Makkah pada 1915 itu, tetapi keadaan

semamangnya tidak mengizinkan ketika itu. Kekangan utama ketika itu ialah, duit perbelanjaan tidak mencukupi untuk ia ikut serta ke Makkah. Sebab itulah, ketika berlabuh di Singapore, bapa mengambil keputusan walaupun dalam umur yang dikira masih mentah untuk mencari perkerjaan di Singapore, yang seterusnya membawa bapa ke tanah besar Malaya.

## **TETAMU ALLAH DI TANAH SUCI**

Untuk memastikan cita-cita murni bapa tercapai, kami adik beradik telah bermufakat untuk mengumpul wang sehingga mencukupi bagi membolehkan bapa menunaikan haji di Tanah Suci Makkah. Dengan berkat kesepakatan anak-anak, kami telah berjaya menumpul wang sebanyak RM3,000. Wang itulah yang digunakan untuk pembelian tiket kapal laut yang dinamakan Kapal Ansun yang membawa bapa dan rombongan dari Pelabuhan Pulau Pinang ke Jeddah. Dari Lahad Datu pula, bapa menaiki kapal laut kargo passenger bernama Kimanis menuju ke Sandakan, Kudat, Kota Kinabalu, Singapore dan seterusnya Pulau Pinang. Dari Pulau Pinang, para jemaah haji bergabung untuk menaiki sebuah kapal laut ke Tanah Suci. Segala urusan ke Tanah Suci adalah di bawah kelolaan Tabung Haji melalui wakilnya iaitu Pegawai Daerah. Ketika itu, Pegawai Daerah diberi kuasa untuk mengeluarkan Pasport Haji berwarna hijau kepada para jemaah.

Rombongan bapa ke Makkah pada tahun itu disertai oleh beberapa kawan-kawannya di Lahad Datu, antaranya Habib Ali, Amir Hussin yang lebih dikenali penduduk tempatan sebagai Imam Berantai, Imam Mansur dan lain-lain lagi. Pelayaran dari Pulau Pinang ke Makkah mengambil masa selama 1 bulan. Para jemaah haji pula berada di Makkah selama 2 bulan. Manakala, perjalanan balik dari Makkah ke Pulau Pinang pula juga mengambil masa selama 1 bulan. Masa keseluruhan yang diambil untuk menjejak haji ketika itu adalah lebih kurang 4 bulan. Kos perbelanjaan di Makkah pula secara puratanya adalah dalam lingkungan RM1,500.00. Ini bermakna, wang tunai yang dibayar terus kepada Tabung Haji adalah RM1,500 manakala wang dalam tangan pula adalah RM1,500.00 juga sebagai wang perbelanjaan sendiri ketika berada di Tanah Suci.

Menurut bapa, tempat jemaah bertawaf di sekeliling Kaabah masih lagi berlantaikan pasir dan selipar masih digunakan. Manakala, Masjid Nabawi ketika itu hanya terdapat 4 tiang menara sahaja. Ketika bapa menunaikan haji, saya sudahpun menjawat jawatan sebagai ADO (Assistant District Office) di Lahad Datu. Saya dan adik-beradik yang lain telah menghantar bapa ke Pelabuhan Lahad Datu ketika berangkat menaiki kapal rombongan. Suasana begitu syahdu. Bagi kami anak-anaknya yang begitu banyak terhutang budi dan nyawa dari seorang ayah yang penyayang dan bertanggungjawab, kami tidak terlepas dari merasakan rasa gembira, sedih dan terharu menyaksikan suasana itu. Sebagai anak, kami tidak dapat menyembunyikan rasa hati bahawa itulah seolah-oleh kali terakhir kami dapat melihat wajah seorang ayah yang sangat kami kasihi. Seolah-oleh, kami tidak akan dapat lagi bertemu dengan bapa. Kami tidak terlepas dari mengesat air mata kesedihan dengan suasana seperti itu.

Kesedihan dan kesyahduan seperti ini bukan saja dirasakan oleh kami adik-beradik. Malah, perkara yang sama juga turut dikongsi oleh ahli-ahli keluarga yang lain yang menghantar “kepergian” orang-orang yang mereka sayangi. Di pihak keluarga bapa, wajah-wajah keluarga terdekat seperti Wak Rebu<sup>7</sup> iaitu abang ipar kepada bapa, abang kandung kepada isteri bapa iaitu mama kami, adik ipar bapa iaitu Mamang Abdul Razak bin Abdul dan anak-anak buah bapa yang lain turut ke Pelabuhan Lahad Datu menghantar bapa masih segar dalam ingatan saya. Masing-masing mengambil kesempatan untuk bersalam-salaman dan berpeluk-pelukan. Suasana itu begitu mengujakan. Pada perkiraan saya, sesiapaupun yang melihat suasana itu pasti dapat merasakan bahawa pertemuan dan perkumpulan keluarga serta rakan-rakan yang hadir itu seolah-olah perpisahan terakhir dengan orang-orang tersayang.

### **KEMBALI DARI TANAH SUCI**

Rombongan bapa dari Makkah akhirnya tiba di Pelabuhan Lahad Datu 4 bulan kemudian pada tahun yang sama, 1972. Sebagaimana ketika menghantar rombongan bapa mula-mula dahulu semasa keberangkatan ke Makkah, begitulah juga kami datang beramai-ramai menyambut rombongan mereka di Pelabuhan. Kami tahu bahawa bapa masih hidup apabila diberitahu oleh pihak Tabung Haji sebelumnya. Debaran akhirnya berakhir apabila bapa muncul bersama-sama rombongan haji yang lain dari kapal yang dinaiki. Kami berpeluk-pelukan antara satu sama lain, mencium tangan dan menyatakan rasa gembira dan bersyukur kepada Allah s.w.t dengan perasaan yang sukar diluahkan dengan kata-kata.

Kini kami mendapat semula bapa kami, yang sebelumnya kami merasakan tidak ada jaminan bahawa kami akan dapat bertemu lagi dengan bapa setelah kepergiannya ke Tanah Suci. Bapa telah membeli berbagai-bagai barang seperti buku Yaasin yang agak banyak jumlahnya, sajadah, baju panas, buah kurma yang bertin-tin yang melekit-lekit dan banyak gula, tasbih, ketayap-ketayap dan lain-lain lagi. Barang-barang itu dihadiahkan kepada anak-anak dan cucu-cucunya. Kegembiraan mendapat hadiah-hadiah itu tidak dapat diluahkan dengan kata-kata. Peristiwa penuh syahdu dan bersejarah pada tahun 1972 ini tidak akan pudar dari ingatan. Terimakasih bapa! Kami sayang bapa!

### **PERUBAHAN DIRI SETELAH HAJI**

Orang selalu mengatakan bahawa orang yang telah naik haji itu akan tampak kelihatan berubah sifat, tingkah laku, keperibadian dan amal ibadatnya andai haji itu diterima Allah. Apa yang sering dikatakan orang ini benar-benar berlaku ke atas diri bapa. Setelah kembali dari Tanah Suci Makkah, jelas kelihatan perubahan yang berlaku dalam diri bapa. Antara perubahan ketara pada diri bapa selepas menunaikan haji ialah:

---

<sup>7</sup> Wak Rebu adalah abang kandung satu bapa lain mama kepada isteri bapa. Manakala Mamang Abdul Razak itu adalah saudara kandung seibu sebapa dengan isteri bapa. Salah seorang anak Wak Rebu adalah Bukniri yang kini menetap di Kg Muhibbah Lahad Datu. Wak Rebu yang telah berkahwin dengan Wak Kasdah mempunyai 6 orang anak iaitu Rafiah, Bukirah, Kasian (lelaki), Bukniri dan Fatimah dan Harun.

- a. Jarang bercakap dan selalu duduk bersendirian dalam bilik sambil membaca kitab-kitab agama dan al-quran. Tidak ada yang berani masuk ke dalam bilik rehatnya kecuali cucu-cucunya seperti Khadijah dan Siti Hafisah. Ketika bapa sedang beribadat seperti solat atau membaca al-quran, anak-anak tidak perlu tunggu untuk makan kerana ia tidak akan berhenti jika bacaannya belum tamat.
- b. Amalan sembahyang juga semakin bertambah. Solat sunat sentiasa dikerjakan termasuklah solat tahajjud, dhuha dan lain-lain lagi. Ia dilakukan secara berterusan.
- c. Melazamkan membaca al-quran. Bapa sentiasa mengamalkan bacaan al-quran. Antara surah yang tidak ditinggalkan membaca setiap hari adalah surah al-Khafi sehinggalah bapa meninggal dunia.
- d. Masa tidurnya pada waktu malam juga tidak lagi panjang. Sedikit sekali tidurnya. Malamnya dihabiskan dengan amalan-amalan sunnat seperti solat sunat, membaca quran, berzikir dan membaca kitab.
- e. Cinta kepada Masjid. Jika kami ke Masjid, ia selalu mengikuti anak-anaknya ke Masjid untuk bersolat melainkan ketika ia sakit.
- f. Percakapannya lebih banyak berkisar kepada hal-hal agama. Ada kalanya bapa bercakap mengenai hal-hal kematian dan persiapan untuk menghadapinya. Satu hari bapa pernah berkata kepada saya “*semua kita mati, jadi bapa siap sedia*”.
- g. Dalam soal harta, bapa mengatakan bahawa harta-hartanya mesti dibahagi sama rata di kalangan anak-anaknya. Bila diberikan, harta itu mesti diterima oleh anak-anaknya.
- h. Dari segi puasa pula, bapa sentiasa melaksanakan ibadah puasa sunat isnin dan khamis.

### **PRINSIP DAN PEGANGAN AGAMA**

Sejak kecil, kami sentiasa dibawa ke Masjid untuk bersembahyang 5 waktu. Ia sudah jadi satu kemestian. Bapa akan tunggu anak-anaknya untuk ikut bersamanya ke masjid samada waktu siang atau malam. Begitulah juga dengan solat subuh. Sebelum sembahyang, bapa akan melihat ke belakang untuk memastikan anak-anaknya ikut bersolat. Jika salah seorang anaknya tidak ada di situ, bapa akan suruh kami mencari dan ia mesti hadir ketika solat. Dalam soal menunaikan solat secara jemaah, ia amat tegas dan berdisiplin. Bapa mempunyai sebatang rotan untuk menakutkan kami, namun sepanjang ingatan saya, bapa tidak pernah merotan kami walau bagaimana keadaan marah bapa. Jika bapa marah, ia hanya melepaskan rotan itu kepada benda-benda lain. Namun begitu, hal sedemikian sudah cukup menakutkan kami. Jika ada anak yang tidak solat, ia akan mengugut untuk tidak memberinya makan. Jika tidak berpuasa pula, anak yang tidak puasa tidak dibenarkan duduk makan bersama-sama dengan bapa. Jika ada sisa makanan, baharulah anak itu boleh makan. Keadaan ini berlaku pada bulan ramadhan. Bagi anak-anak lelaki pula, kami diwajibkan mengikut bapa solat Jumaat di masjid.

Pada hari raya pula, semua anak-anak lelaki dimestikan mengikut bapa ke masjid. Pendek kata, segala aktiviti Islam melibatkan masjid mesti disertai oleh anak-anak bapa. Walaupun nampak tegas dalam hal-hal keagamaan, namun bapa juga berlembut dengan anak-anaknya dalam hal-hal yang sememangnya menjadi kesukaan anak-anak. Contohnya, bapa tidak akan marah kalau kami pergi mandi di sungai atau melakukan permainan seperti main guli, gasing mahupun perkara-perkara yang agak kasar seperti bertumbuk atau bergelut antara adik beradik-beradik. Pokoknya, bila waktu solat tiba, anak-anak mesti ada.

Satu tabiat bapa yang menunjukkan disiplin dan ketegasannya ialah anak-anak tidak dibenarkan makan di rumah orang kecuali sewaktu kenduri walaupun di rumah keluarga terdekat seperti Wak Rebu. Begitu juga, kami tidak benarkan menerima duit pemberian dari sesiapa walaupun dari keluarga terdekat seperti pakcik atau makcik kami. Jika ada duit atau makanan seperti gula-gula di tangan kami, bapa akan tanya dari mana kami dapat. Bapa sangat menitikberatkan hal makan minum ini kerana ketelitiannya dalam soal halal dan haram dalam pemakanan. Jika sekiranya makanan itu kami dapat hasil pemberian keluarga terdekat seperti dari pakcik atau makcik, kami akan diberi ingatan agar tidak lagi menerima pemberian itu pada masa akan datang. Sebagai anak-anak, hal ini amatlah berat tetapi kami juga tidak dapat menurut arahan ini sepenuhnya. Pernah juga kami terima pemberian seperti gula-gula atau kuih muih dari keluarga terdekat tetapi kami rasiahkan hal itu dari pengetahuan bapa.

Dalam soal membaca al-quran, sejak kecil lagi kami diasuh untuk belajar al-quran. Bapalah yang mengajar kami membaca al-quran dengan lagu Jawa. Huruf-huruf alif ba ta disebut sepertimana sebutan Jawa bersama intonasi Jawa. Ia berlainan dengan huruf sebutan arab. Cuma sebutan huruf hijaiyah sahaja yang disebut dengan intonasi dan ABC Jawa tetapi dari segi pembacaannya adalah betul menurut kaedah dan bunyi bacaan sebenar. Selain mengajar anak-anak mengaji al-quran, anak-anak orang tempatan di kawasan berdekatan rumah kami juga datang belajar membaca al-quran dengan bapa. Antara orang-orang yang dihantar belajar membaca al-quran itu ialah Tan Sri Sunoh Marso, Abdullah Mudin, Juraimi Soh, Sulaiman Yussuf dan beberapa orang lagi yang sebaya dengan Abang Salam. Tan Sri Sunoh pernah menjadi Spaker Dewan Undang Negeri Sabah ketika pemerintahan Parti BERJAYA setelah beliau menjadi Wakil Rakyat DUN di Lahad Datu.

Ketika mengaji, mereka masih lagi belum memasuki alam remaja. Habib Ali pernah juga mengajar kami membaca al-quran dengan cara sebutan Arab apabila ia datang berziarah ke rumah bapa. Ketika berziarah, Habib Ali akan membawa bersama anak-anaknya yang perempuan.<sup>8</sup> Disebabkan hubungan akrab bapa dengan Habib Ali dan dalam masa yang sama, Habib Ali pula menjadi guru al-quran dan agama saya, akhirnya ia anggap saya sebagai anak angkatnya. Ia sempat mengajar saya beberapa ilmu pertahanan diri dan ilmu perubatan. Habib Ali juga selalu memberi tunjuk ajar mengenai agama ketika kami sama-sama dalam satu perjalanan. Ada ketikanya saya sendiri membawa Habib Ali ke rumah

---

<sup>8</sup> Antara anak-anak Habib Ali ialah Rugayah, Syarifah, Asiah. Rugayah adalah ibu kandung kepada Datuk Syed Abas, Ahli Dewan Undangan Negeri Balung, Tawau pada ketika ini. Beliau juga merupakan Pengerusi MUIS pada ketika ini.

saya di Sandakan untuk mengajar agama kepada kami. Saya akan membelikan tiket kapal terbang untuknya ke Sandakan. Di rumah saya, saya juga menjemput kawan-kawan rapat saya untuk menyertai majlis ilmu yang dikendalikan Habib Ali. Termasuk orang yang ikut belajar dengan beliau ialah Guru Brahim<sup>9</sup> dan Jorjy bin Juanah.

## **MAMA KEMBALI KE RAHMATULLAH**

Mama meninggal dunia ketika zaman penjajahan Jepun di Sabah, iaitu 1941. Ia meninggal di rumah sakit Lahad Datu. Kematiannya berikutan kejadian yang menyedihkan. Segala-galanya bermula apabila telekung mama terbakar ketika ia sedang solat subuh di rumah kerajaan, dekat padang bola Lahad Datu. Kebakaran bermula apabila lampu minyak tanah yang sedang dipasang tanpa diduga telah membakar telekung mama. Beberapa bahagian badan mama telah terbakar dan akhirnya ia dimasukkan ke hospital Lahad Datu. Setelah seminggu berlalu, akhirnya mama menghembuskan nafas terakhir di Hospital Lahad Datu. Usianya ketika itu sekitar 36 tahun. Saya tidak ingat lagi bagaimana bentuk rupa wajah mama. Namun, menurut Abang Salam, wajah mama mirip seperti rupa anak saya, Siti Hafsa Adenan.

Ketika kematiannya, saudara kandung mama masih hidup di Lahad Datu ketika itu, antaranya Wak Rabu bin Dol,<sup>10</sup> Abdul Razak bin Dol,<sup>11</sup> Wak Limah bte Dol<sup>12</sup> dan Wak Miri bte Dol.<sup>13</sup> Kesemuanya masih hidup ketika itu. Ini bermakna, mama ada saudara kandung seramai 4 orang ketika itu. Ibu kandung mama bernama Aminah bte Abdullah atau nama Jepunnya Michang telah meninggal dunia setahun lebih awal dari mama. Ia benar-benar berbangsa Jepun. Ia telah memeluk Agama Islam setelah berkahwin dengan datuk kami berbangsa Jawa bernama Dol di Singapura. Menurut cerita Arwah Habib Ali, Kakek Dol memiliki kepandaian dalam ilmu persilatan dan ilmu ghaib. Antara contoh

---

<sup>9</sup> Nama penuh beliau ialah Ibrahim bin Harun. Sebenar nama sebenar bapa beliau ialah Abdul Aziz. Harun itu adalah nama datuknya sebelah ibunya. Nama penuh datuknya ialah Harun bin Kuchi. Ibrahim berbincang Harun kerana ia dipelihara oleh Harun bin Kuchi sejak kecil lagi. Guru Brahim mahir dalam bidang bacaan al-quran. Beliau pernah beberapa kali menjuarai pertandingan musabaqah al-quran peringkat Sandakan. Beliau pada masa ini bertugas sebagai Penolong Pendaftar di Nikah Cerai Rujuk, Jaheins Sandakan.

<sup>10</sup> Wak Rabu bin Dol adalah abang kepada mama (satu bapa lain mama). Wak Rabu adalah bapa kandung kepada Bok Niri bin Wak Rabu. Antara anak-anak kandungnya ialah Rafeah, Bo Irah, Kasion (lelaki), nama isterinya ialah Miang, Bo Niri, Harun (meninggal dunia), Fatimah. Ketika ini (15 November 2008), semuanya masih hidup kecuali Harun. Kesemuanya menetap di Lahad Datu.

<sup>11</sup> Abdul Razak bin Dol adalah adik kandung kepada mama, satu bapa satu mama. Isterinya bernama Bi Ma. Mati dulu dari Abdul Razak. Antara anaknya ialah Simon (isterinya berbangsa Dusun di Tungku), Salmiah (suaminya berbangsa Timor), Sutinah (suaminya orang Lahad Datu), Miah (perempuan, badannya gemuk dan mukanya seperti orang Jepun), Adinin (kahwin orang Lahad Datu). Semuanya masih hidup ketika ini (15 Nov 2008) kecuali Simon yang telah meninggal dunia. Wak Razak tubuh badannya tinggi lampai yang mana ketinggian hampir mencacah 6 kaki dan wajahnya seperti orang Jepun tetapi loghatnya Jawa. Kerjanya mengambil upah tebasan kebun orang termasuk kebun bapa saya

<sup>12</sup> Suaminya bernama Usop Bulus berbangsa Jawa berasal dari Kg Bulus Lahad Datu. Antara anaknya ialah Sulaiman (biasa dipanggil si Laiman), Manan, Daud, Raimah dan Arshad. 2 orang telahpun meninggal dunia iaitu Sulaiman dan Manan.

<sup>13</sup> Suaminya orang Medan Indonesia bernama Putih. Anak-anaknya Munah, Manan dan Kak Inam (antara anak-anaknya ialah Baharuddin Sinaru (sudah mati), Aisyah Sinaru, Dahniah. Kesemuanya telah meninggal dunia dan kesemua anak anak mereka berada di Sarawak.

ilmu ghaib yang dimilikinya ialah, ia boleh berada di mana-mana saja bila ada pergaduhan besar yang hendak diselesaikannya. Ia seorang yang disegani ramai ketika itu.

Nama penuh mama ialah Habibah bte Dol. Pusara mama terletak bersebelahan dengan pusara ibunya (Aminah) di Kuburan Keramat Habib, Jalan Kg Puyu Lahad Datu. Aminah meninggal dunia sebelum Jepun datang ke Sabah. Seingat saya, saya pernah jumpa Nenek (Aminah) ketika saya masih kecil. Namun, hanya sedikit saja yang saya mampu ingat mengenainya. Menurut Abang Salam, Nenek Aminah juga menunaikan solat lima waktu tetapi sebutan bacaannya masih pelat dalam bahasa Jepun. Sebagai contohnya, bila ia membaca *bismillaah hirrohmaanirrohiim*, ia sebut "*bismillaahirrohmaan nirokim*". Kuburan Atuk (Wak Dol) terletak di Kg Buluh Lahad Datu pada mulanya tetapi kemudiannya dipindahkan ke Kg Batu Satu berdekatan kuburan Arwah bapa.

Kubur tersebut kemudiannya dipindahkan kerana tapak tanah kubur itu dibeli oleh Syarikat Poring yang mengusahakan penanaman kelapa sawit. Akhirnya kubur dipindah ke Batu Satu Lahad Datu, dekat Kg Khamis. Setahu saya, pemindahan kubur tersebut bukan atas perintah atau kebenaran Mahkamah. Sebanyak 12 buah kubur yang terlibat dalam pemindahan tersebut atas persetujuan waris. Pemindahan kubur berlalu pada tahun 1982. Waktu itu saya masih ingat Ang Salam telah menghubungi saya melalui telefon ketika saya bertugas sebagai Pegawai Daerah di Tenom. Saya turut mencadangkan agar dipindahkan saja jika demikian keadaannya.

## HASRAT KEMBALI KE TANAH JAWA

Selepas kematian mama, bapa telah menyatakan hasratnya untuk kembali ke tanah Jawa untuk menemui orang tuanya yang masih hidup ketika itu.<sup>14</sup> Bagaimanapun, sahabat baik bapa, Arwah Habib Ali memujuk bapa agar membatalkan hasratnya. Habib Ali telah menjualkan sebidang tanahnya di Kg Bulus Lahad Datu seluas 7 ekar kepada bapa dengan harga lebih kurang RM300.00 dalam bentuk emas. Bapa setuju tetapi dengan syarat bahawa tanah tersebut mestilah diletakkan atas nama abang Salam yang bertindak sebagai pentadbir. Bapa mengatakan bahawa Abang Salam diamanahkan untuk membahagi-bahagikan tanah tersebut kepada kesemua adik beradik seramai 6 orang pada ketika itu. Menurut bapa, tanah tersebut hendaklah dibahagi-bahagikan kepada anak-anaknya tanpa tanpa menyatakan bagaimana bentuk bahagian masing-masing apabila kesemua anak-anaknya mencapai umur dewasa. Akhirnya, selepas kematian bapa, tanah tersebut dibahagi-bahagi kepada 2 orang anak perempuan bapa iaitu Sumilah dan Ngetemih secara sama rata. Maknanya bahagian anak laki-laki diserahkan kepada kedua anak perempuan. Disebabkan pembelian tanah tersebut, bapa telah membatalkan hasratnya untuk ke tanah Jawa. Inilah satu-satunya tanah yang dibeli oleh bapa sepanjang hayatnya.

---

<sup>14</sup> Mengenai hasrat Hj Mohd Yussuf ke Tanah Jawa, salah seorang guru agama, Ustaz Hj Hadiq Ismail yang kini menetap di Kg Baru, Tambunan, berasal dari Indonesia telah menawarkan diri untuk menemani nya ke Tanah Jawa. Pengakuan ini diperolehi Penulis dari Ustaz Hj Hadiq pada bulan Januari 2009 di perkarangan restoran beliau, Warung Cenderawasih di Pekan Tambunan.

## **AKHIRNYA BAPA PERGI BUAT SELAMA-LAMANYA<sup>15</sup>**

Bapa meninggal dunia pada 24 September 1983 ketika umurnya 84 di rumah kediaman kakak saya, Ngetemih di Hospital Lahad Datu. Ia bermula apabila bapa terjatuh dari tangga rumah. Kebetulan pada hari itu, bapa dalam persiapan untuk pergi ke Kota Kinabalu dan tiket return ke Kota Kinabalu juga telahpun tersedia. Ekoran kejadian tersebut, bapa tidak dapat meneruskan perjalanan ke Kota Kinabalu dan tiket tersebut dibatalkan. Bapa telah dihantar ke Hospital Lahad Datu pada hari yang sama dan telah ditahan selama 1 minggu di hospital. Akhirnya, setelah seminggu di tahan di hospital, bapa menghembuskan nafas terakhir di atas katil sekitar jam 9.15am. Ia mengalami demam sebelum itu. Apa yang menyedihkan, tidak ada seorangpun di antara kami adik beradik-beradik yang berada di sisi bapa ketika ia meninggal walaupun selama seminggu itu, kami bersilih ganti menjaga bapa. Anak-anak saya ketika itu semuanya masih berada di rumah kediaman rasmi Pegawai Daerah Tenom. Jenazah bapa dimandikan dan disolatkan di rumah kakak Ngetemih sebelum zohor. Kami adik beradik turut bersama-sama memandikan bapa yang diketuai Imam Kadir Batu 1 Kg Khamis dan Hj Abdul Hamid Marikan. Atas persetujuan semua, bapa dikebumikan di Batu 1 berdekatan Sekolah Rendah Agama Bt 1 Kg Khamis, Lahad Datu.

## **KETURUNAN JEPUN: USAHA MENJEJAK KELUARGA**

Nenek (Aminah) adalah berbangsa Jepun dan dilahirkan di Jepun. Tidak ada rekod yang menyatakan bilakah ia dilahirkan dan di bahagian mana di Jepun ia dilahirkan. Wak Rabu pernah memberitahu saya bahawa Nenek berasal dari keturunan diraja Jepun. Ia telah diculik orang dan dijual di Singapore. Ia kemudiannya ditebus oleh Kakek Dol yang kemudiannya menjadi suaminya selepas itu. Selepas perkahwinan, mereka berhijrah ke Sabah pada zaman British. Kakek Dol pula adalah bangsa Jawa yang datang dari Jawa dan kerja di Singapura. Pernah Abang Salam membuat percubaan mencari keluarga Nenek Aminah di Jepun tetapi usaha ini tidak berjaya. Usaha ini cuba dilakukan pada tahun 1970an. Abang Salam telah meminta bantuan dari seorang kenalannya berbangsa Jepun untuk meminta bantuan dari Kedutaan Jepun di Singapura. Usaha ini tidak berjaya memandangkan ketiadaan butiran lengkap seperti nama dan tempat asal usulnya di Jepun.

Sehingga kini, tidak ada lagi usaha mencari dilakukan. Abang Salam boleh juga bercakap dalam bahasa Jepun kerana ia pernah dihantar belajar bahasa Jepun di Sarawak ketika pentadbiran Jepun di Sabah antara 1942 hingga 1945. Wak Rebu ada menceritakan kepada saya bahawa Nenek Aminah dikurniakan Allah usia yang panjang sehingga mencecah lebih 100 tahun. Menurutnyanya lagi, tubuh badannya menjadi bongkok 3 sehinggakan tangannya ketika berjalan boleh mencecah lantai. Setakat yang diketahui, tidak ada satu gambarpun yang sempat dirakamkan untuk Nenek Aminah, Kakek Dol dan Mama. Demikianlah riwayat hidup secara ringkas keluarga saya sebelah bapa dan mama

---

<sup>15</sup> Maklumat ini diperolehi ketika penulis bersama-sama dengan Ayahnya dan ibu di rumah sewa Puan Betsy di Simpang Timbua, Karanaan Tambunan selepas solat Isyak pada 15 November 2008. Kali terakhir pengkisahan ini ditulis ialah ketika penulis menubual Ayahnya di Kuala Lumpur tahun sebelum ini.

yang saya ketahui. Apa yang menggembirakan saya ialah bapa dan mama saya meninggalkan dunia ini dalam keadaan kekal menunaikan solat 5 waktu, termasuk Nenek Aminah. Hanya Kakek Dol yang saya tidak pasti samada menunaikan solat semasa hayatnya. Agak kurang maklumat yang saya perolehi dari Wak Rebu atau Abdul Razak (Mang Razak), adik kepada mama kami.

## PENUTUP

Demikianlah sekelumit kisah hidup bapa saya, Hj Mohd Yussuf buat tatapan ahli keluarga dan sesiapa juga yang mengenali keluarga Hj Adenan Hj Mohd Yussuf. Semoga dengan adanya catatan kisah hidup ini, ahli keluarga dan sesiapa juga yang membaca catatan ini akan dapat mengenali lebih dekat diri beliau. Asal usul dan perjalanan hidup beliau yang dirakamkan di sini diharap dapat memberi pengajaran berguna kepada sesiapa juga, terutama kepada ahli keluarga beliau. Rakaman mengenai kisah hidup ini sesungguhnya satu tanda ingatan tulus ikhlas seorang anak terhadap ayah tercinta yang telah lama pergi buat selama-lamanya.

Wahai bapaku yang tercinta, selagi hayat masih dikandung tanah, doa dari anak-anak untuk Bapa dan Mama tidak akan dilupakan walaupun Bapa dan Mama telah lama meninggalkan kami. Kami tidak henti-henti mendoakan keselamatan, kesejahteraan dan keamanan kalian di alam barzakh. Kami tidak akan lupakan segala pengorbanan kalian. Sebagai ingatan tulus ikhlas dan suci, inilah kami persembahkan catatan hidup bapa sekadar yang kami mampu, buat tatapan kami anak-anakmu, anak-anak kami dan keluarga kami yang tercinta. Semoga catatan ini mendapat keredhaan dan keberkatan dari Allah s.w.t. ÓmÊn. Akhirnya, terimalah warkah dari kami, buat Mama dan Bapa yang kami rindui.

## WARKAH BUAT MAMA DAN BAPA<sup>16</sup>

Wahai Mama! Kami rindu padamu.  
Wahai Bapa! Kami rindu padamu.

Kini kami berada di ambang senja.  
Senja yang pernah Mama dan Bapa lalui dahulu.  
Terasa benar langkah kaki.  
Semakin melangkah semakin longlai.  
Terasa benar nafas ini.  
Semakin bernafas semakin pendek.  
Hembusannya kini sangat bernilai buat kami.  
Lebih bernilai dari intan permata.  
Sisa hidup yang tinggal semakin terbatas.  
Tiada lain pengharapan melainkan...  
Kembali kepada Allah.  
Bersama raImat dan maghfirahNya.

---

<sup>16</sup> Nukilan Penulis pada 28 Febuari 2009, jam 2.30am, di Kg Karanaan Tambunan, Sabah.

Wahai Mama! Kami rindu padamu.  
Wahai Bapa! Kami rindu padamu.

**SEKIANLAH CATATAN HIDUP SEORANG INSAN  
BUAT INGATAN KEPADA YANG HIDUP  
KEPADA ALLAH KITA KEMBALI**

**2009**

